


SPM EKONOMI KERTAS 2 – KERTAS MODUL 1

BAHAGIAN A (60 markah)

Jawab semua soalan.

SOALAN 1

(a) Rajah berkaitan dengan masalah ekonomi.



(i) Apakah X?

_____ [1 markah]

(ii) Jelaskan masalah X untuk unit ekonomi isi rumah, firma, dan kerajaan

_____ [3 markah]

(b) Huraikan mengenai barang awam.

_____ [5 markah]

(c) Malaysia menambahkan mengeksport durian terutama Musang King ke China berikutan kejayaan membawakan durian sejuk beku, ulas (pulp), dan produk berasaskan durian ke wilayah China.

Dengan menggunakan rajah, huraikan pasaran durian Musang King.

_____ [6 markah]

(d) Jelaskan konsep prinsip perbankan Islam yang berikut.

(i) Mudharabah

[3 markah]

(ii) Takjiri


[2 markah]

SOALAN 2

(a) Nyatakan maksud upah dalam ekonomi.

[4 markah]

(b) Situasi 1 dan situasi 2 menunjukkan tentang kerjaya oleh dua individu.



Situasi 1

Situasi 2

Bezakan kerjaya kedua-dua individu berdasarkan faktor pemilihan pekerjaan.

[6 markah]

(c) Jelaskan **tiga** kelebihan dan **tiga** kelemahan apabila individu membuka akaun tabungan di bank perdagangan.

[6 markah]

(d) Maklumat yang berikut merupakan perbualan dalam sebuah keluarga.

Encik Afiq : Kita beli televisyen pintar dengan hayaran tunai. Harga tunai RM7 000 dan diskaun 5%.
Isteri : Bang, tak mahu la. Lebih baik kita beli secara kredit. Kadar faedah rendah je. Simpan wang itu untuk kegunaan lain.

Setujukah anda dengan cadangan isteri Encik Afiq? Beri alasan anda.

[4 markah]

SOALAN 3

(a) Maklumat berikut berkaitan dengan aktiviti pelaburan.

Encik Jamal telah menggunakan RM 600,000 untuk membeli sebuah kondominium di Kuala Lumpur sebagai pelaburan.

(i) Apakah jenis pelaburan yang dimaksudkan oleh Encik Jamal?

[1 markah]

(ii) Huraikan aspek kecairan, risiko dan pulangan untuk pelaburan di atas.

[3 markah]

b) Kerajaan telah menguatkuasakan peraturan penjualan rumah berharga sehingga RM 300,000 hanya terhad kepada pembeli rumah pertama sahaja.

(i) Mengapakah kerajaan menguatkuasakan peraturan tersebut?

[3 markah]

(ii) Jelaskan kesan peraturan tersebut kepada industri hartanah dan pelaburan.

[3 markah]

(c) Jadual di bawah ini menunjukkan data imbalan Akaun Semasa di Malaysia pada tahun 2016.

Butiran	Jumlah (RM juta)
Eksport	686 075
Import	584 693
Pengangkutan	-23 513
Perkhidmatan lain	-27 104
Pampasan pekerja	-5 636
Pendapatan pelaburan	-29 004
Perjalanan	31 526
Pendapatan sekunder	-18 629

[Sumber: Diubah suai daripada Laporan Ekonomi 2017/2018]

(i) Hitung imbalan dagangan.

[1 markah]

(ii) Hitung imbalan akaun semasa

[4 markah]

(d) Maklumat yang berikut berkaitan dengan urus niaga Ringgit Malaysia.

KUALA LUMPUR: Ringgit Malaysia meningkat berbanding dengan Dolar Amerika Syarikat berikutan harga minyak yang bertambah baik. Ringgit Malaysia didagang pada 4.1488 berbanding dengan Dolar Amerika pagi semalam dan tutup pada RM4.1918 pada pukul 5 petang (hari Jumaat) berbanding dengan RM4.20625 pada hari Khamis.

[Sumber: Diubah suai <https://www.nst.com.my/business/2017/11/30/1769/stronger-ringgit-oil-price-rise>, November 10, 2017]

Jelaskan bagaimanakah peningkatan harga minyak dapat meningkatkan nilai Ringgit Malaysia (RM)?

[5 markah]

BAHAGIAN B (40 markah)

Jawab mana-mana dua soalan sahaja.

SOALAN 4

Encik Yusuf berusia 54 tahun dan mempunyai tunai sebanyak RM200 000. Dia mengambil keputusan untuk menyimpan dalam akaun tetap di Maybank Berhad yang menawarkan kadar faedah 4% setahun daripada membeli saham syarikat.

(a) Huraikankan kepentingan belanjawan peribadi.

[6 markah]

(b) Mengapakah Encik Yusuf membuat keputusan tersebut?
Berikan alasan anda.

[7 markah]

(c) Cadangkan strategi simpanan selain daripada (b) yang boleh dilakukan oleh Encik Yusuf dengan wang tunai sebanyak RM200 000 itu.

[7 markah]

SOALAN 5

Maklumat berikut berkaitan dengan operasi sebuah bank tempatan.



- Pasaran utama meliputi Malaysia, Singapura dan Indonesia.
- mempunyai lebih daripada 2,000 cawangan antarabangsa dan pejabat di lebih daripada 20 buah negara termasuk negara ASEAN.
- menawarkan produk perbankan yang komprehensif dan perkhidmatan termasuklah komersial, pelaburan dan perbankan Islam, pajakan, insurans, dan pengurusan aset kepada lebih daripada 20 juta pelanggannya.
- Memiliki operasi di pusat kewangan antarabangsa di Hong Kong, Shanghai,
- London, New York dan Bahrain.
- Mencatat pendapatan operasi bersih sebanyak RM21.2 bilion dengan jumlah aset sebanyak RM708 bilion.

(a) Bolehkah syarikat tersebut dianggap sebagai sebuah syarikat multinasional?
Kemukakan alasan anda.

[4 markah]

(b) Pada pendapat anda, apakah faktor yang mendorong bank tersebut beroperasi di semua negara ASEAN?

[8 markah]

- (c) Selain kemudahan pembayaran melalui cek, terangkan kemudahan-kemudahan pembayaran lain yang disediakan oleh bank perdagangan.

[8 markah]

SOALAN 6

Maklumat di bawah berkaitan dengan isu yang dihadapi oleh penuntut Malaysia di luar negara.

Ringgit merudum, pelajar Malaysia di luar negara tertekan

KUALA LUMPUR: Kejatuhan nilai ringgit dikhuatiri bukan sahaja memberi kesan segera kepada beberapa pihak seperti komuniti pelajar Malaysia di luar negara. Ini memandangkan ramai kalangan pelajar yang menuntut ke luar negara dengan biaya sendiri bertindak menanggungkan pembayaran yuran semata-mata untuk menunggu nilai ringgit kembali pulih. Sejarah matawang ringgit jatuh ke paras terendah pada Isnin ke paras sebelum ia ditambah dengan dolar Amerika pada September 1998. Ringgit ditambah pada 3.80 sedolar Amerika ketika krisis kewangan Asia. Tambatan itu berakhir pada Julai 2005. Para penganalisis ekonomi menyuarakan kebimbangan akan berulangnya situasi sama seperti yang berlaku semasa krisis kewangan Asia 1997-98, yang menyaksikan ramai pelajar Malaysia di luar negara terpaksa akur dengan tekanan kewangan dan pulang dengan tangan kosong.

Sumber : ubahsuai Berita Harian 1 Jun 2017

- (a) Penuntut Malaysia di luar negara merupakan sebahagian komposisi dagangan Malaysia. Jelaskan. [6 markah]
- (b) Kejatuhan Ringgit Malaysia yang berterusan, bukan sahaja memberi kesan kepada golongan pelajar diluar negara, malah kesannya juga kepada ekonomi negara. Bincangkan [8 markah]
- (c). Berdasarkan maklumat diatas, kadar pertukaran asing antara Dollar Amerika dengan Ringgit Malaysia ialah, 1USD = RM 3.80. Bincangkan bagaimanakah kadar pertukaran tersebut ditentukan. [6 markah]

SOALAN 7

- (a) Huraikan faktor-faktor penggalak globalisasi di Malaysia. [6 markah]
- (b) Maklumat di bawah ini berkaitan tarif yang dikenakan oleh Negara Amerika Syarikat.

Amerika Syarikat menaikkan tarif keluli sebanyak 25%.

Dengan menggunakan rajah, huraikan kesan tarif itu ke atas eksport keluli Malaysia. [7 markah]

- (c) Huraikan alasan negara mengenakan tarif terhadap barang import. [7 markah]

JAWAPAN

BAHAGIAN A


SOALAN 1

- (a) (i) X - Pilihan
 (ii) - Isi rumah memilih barang yang memberi kepuasan maksimum.
 - Firma memilih keluaran yang membawa keuntungan maksimum.
 - Kerajaan memilih projek pembangunan yang membawa kebajikan maksimum kepada masyarakat.

(b) **Barang awam**

- dikeluarkan oleh kerajaan
- tidak dikenakan bayaran
- mempunyai ciri tiada pengecualian dan persaingan penggunaan
- penawarannya terhad
- masyarakat perlu berkongsi bersama
- contohnya, perkhidmatan bomba, pertahanan, dan rumah api

(c) Harga (RM)



- keseimbangan pasaran asal berlaku apabila keluk permintaan (DD) bersilang dengan keluk penawaran (S_0S_0) pada titik E_0 .
- Harga keseimbangan ialah P_0 dan kuantiti keseimbangan ialah Q_0 .
- eksport durian Musang King bertambah
- penawaran bertambah
- menyebabkan keluk penawaran beralih daripada S_0S_0 kepada S_1S_1 .
- pada tingkat harga asal iaitu P_0 ,

- pasaran mengalami lebih penawaran sebanyak E_0A .
- harga cenderung jatuh dan kuantiti diminta bertambah sehingga mencapai titik keseimbangan baharu di E_1 .
- harga keseimbangan jatuh kepada P_1 dan kuantiti keseimbangan naik kepada Q_1 .
- keuntungan firma bertambah dan firma akan menambahkan pelaburan.
- taraf hidup pengeluar bertambah baik.

(d) (i) **Mudharabah**

- prinsip perkongsian untung, iaitu keuntungan akan berkongsi bersama dengan kadar yang telah dipersetujui
- kerugian akan ditanggung oleh pemilik modal (pendeposit)
- terdiri daripada akaun pelaburan am dan akaun pelaburan khas

(ii) **Takjiri**

- prinsip pindah milik harta yang disewa
- bayaran sewa merupakan sebahagian daripada bayaran harta yang hendak dimiliki

SOALAN 2

- (a) - Upah merupakan ganjaran yang diterima oleh individu
- sumbangan dari segi mental dan fizikal
 - dalam mengeluarkan barang dan perkhidmatan
 - Upah boleh dibayar dalam bentuk hari, bulan, dan jumlah kuantiti barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan
- (b) **Situasi (Pesawah Padi)**
- Suasana tempat bekerja kurang selesa
 - Tidak ada faedah sampingan

- Tidak memerlukan kelayakan akademik yang tinggi

Situasi 2 - Pegawai Bank

- Suasana tempat kerja lebih selesa / berhawa dingin
- Ada faedah sampingan
- Memerlukan kelayakan akademik yang tinggi seperti kelulusan ijazah

(c) **Kelebihan apabila individu membuka akaun tabungan**

- dilindungi oleh Sistem Insurans Deposit di bawah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)
- menerima pulangan dalam bentuk faedah
- mengeluarkan wang pada bila-bila masa
- menjimatkan masa dan kos melalui perkhidmatan perbankan elektronik

Kekurangan apabila individu membuka akaun tabungan

- menerima faedah lebih rendah dan dividen tidak boleh dijangka
- kecairan yang tinggi menyebabkan pembaziran atau sikap boros berbelanja
- mengalami risiko kecurian semasa mengeluarkan wang di mesin juruwang elektronik
- menghadapi gangguan talian internet atau capaian internet yang terhad

(d) Setuju dengan cadangan isteri Encik Afiq

Alasan:

- meringankan beban kewangan
- menikmati barang tanpa bayaran penuh
- meningkatkan taraf hidup pengguna
- menggalakkan pembeli merancang perbelanjaan

SOALAN 3

- (a) (i) Pelaburan hartanah / aset tetap
(ii) **Kecairan**

- Tahap kecairan adalah rendah kerana sukar ditukar kepada wang tunai apabila diperlukan.

Risiko

- Tahap risiko adalah sederhana. Harga hartanah bergantung kepada keadaan ekonomi dan juga pasaran hartanah yang sentiasa berubah.

Pulangan

- Pulangan yang diterima adalah dalam bentuk pendapatan semasa (bayaran sewa) dan juga keuntungan modal (kenaikan harga hartanah).

- (b) (i) Kerajaan menguatkuasa peraturan tersebut supaya
- aktiviti spekulasi dapat dikawal
 - kenaikan harga rumah baharu dapat dikawal
 - golongan berpendapatan rendah dan sederhana mampu memiliki rumah

- (ii) Kesan peraturan tersebut kepada industri hartanah
- Jualan rumah merosot
 - Aktiviti pembinaan rumah berkurang
 - Keuntungan merosot

- (c) (i) Imbangan dagangan
= RM686 075 juta - RM584 693 juta
= RM101 382 juta

(ii)

Imbangan akaun semasa

	RM juta	RM juta
Imbangan dagangan		101 382
Imbangan perkhidmatan		-19 091
Pengangkutan	-23 513	
Perkhidmatan lain	-27 104	
Perjalanan	-31 526	
Imbangan pendapatan		-53 269
Pampasan pekerja	-5 636	
Pendapatan pelaburan	-29 004	
Pendapatan sekunder	-18 629	
Imbangan akaun semasa		<u>29 022</u>

- (d) - negara yang mengimport minyak dari Malaysia perlu menawarkan lebih banyak wang mereka membeli RM
- apabila harga minyak naik, negara pengimport terpaksa menawarkan lebih banyak wangnya untuk membeli RM
 - permintaan RM bertambah dan penawaran RM tetap
 - pasaran pertukaran asing mengalami lebih permintaan RM
 - nilai RM naik

BAHAGIAN B

- (a) F1 Membantu individu menabung-
- membantu individu menentukan jumlah tabungan yang hendak dilakukan.
- F2 Membantu mengawal inflasi
- Melalui perbelanjaan yang dirancang, peningkatan dalam permintaan barangan adalah lebih terkawal.
- F3 Membantu mengelakkan hutang
- individu akan membeli mengikut kemampuan dan ini akan mengelakkan individu dibebani hutang.
- F4 Membantu merancang perbelanjaan mengikut pendapatan boleh guna
- individu akan membelanja mengikut had kemampuannya.
- (b) Encik Yusuf membuat keputusan yang tepat untuk menyimpan wangnya dalam akaun tetap di

Maybank memandangkan faktor umurnya. Pada umur tersebut, Encik Yusuf tidak mampu mengambil risiko yang tinggi. Tambahan pula, kecairan adalah tinggi. Wang dalam akaun tetap dapat ditunaikan dengan cepat dan digunakan untuk waktu kecemasan.

Sebaliknya, pelaburan dalam saham syarikat menghadapi risiko yang tinggi dan memberi tekanan kepada kesihatan. Kerugian akibat pelaburan dalam saham syarikat akan menjejaskan kesejahteraan hidup dan kehormonian keluarga.

Akaun tetap memberi pulangan yang tetap dan berisiko rendah. Contoh, jika kadar faedah yang ditawarkan ialah 4% setahun, maka RM200 000 akan memberikan faedah sebanyak RM8 000 setahun. Encik Yusuf tidak perlu bimbang sama ada Maybank memperoleh keuntungan atau kerugian. Sebaliknya, saham syarikat mengalami turun naik harga setiap hari dan perlu ada masa untuk mengawasi perubahan harga di pasaran bursa saham. Andaikan Maybank bangkrap, Encik Yusuf masih mendapat balik tunainya yang berjumlah RM200 000 di bawah Perlindungan Insurans Deposit Malaysia [PIDM]. Sebaliknya, apabila syarikat bangkrap, pemilik saham syarikat tersebut tidak dapat balik wangnya.

Encik Yusuf memperoleh faedah atau pulangan yang tetap walaupun bank perdagangan mendapat keuntungan yang banyak. Manakala jika Encik Yusuf melabur dalam saham syarikat, dia memperoleh dividen yang tinggi atau keuntungan modal yang tinggi jika prestasi syarikat itu baik.

Kesimpulan, keputusan Encik Yusuf adalah lebih rasional kerana dengan usia yang lanjut, dia

membuat pilihan untuk menyimpan dalam akaun tetap kerana tidak sanggup mengambil risiko yang tinggi.

- (c) Strategi simpanan yang boleh dilakukan oleh Encik Yusuf ialah dia boleh menyimpan dalam akaun tabungan dan akaun semasa di bank perdagangan yang memberi faedah yang lebih rendah. Tahap kecairan tinggi kerana wang boleh dikeluarkan pada bila-bila masa. Encik Yusuf boleh membuat bayaran tanpa menggunakan wang tunai. Risiko kecurian atau keciciran wang adalah rendah dan pulangan faedah terjamin.

Encik Yusuf boleh menyimpan wangnya dalam sistem perbankan Islam untuk mengelakkan riba. Contohnya, Akaun Simpanan Wadiah dan deposit bertempoh yang memberi pulangan dalam bentuk dividen.

Encik Yusuf juga boleh menggunakan sebahagian daripada wang tunai untuk membeli Sijil Simpanan Premium (SSP) dari Bank Simpanan Nasional (BSN). Encik Yusuf layak menyertai cabutan SSP BSN dan jika menang akan mendapat ganjaran.

Encik Yusuf juga boleh melabur dalam unit amanah saham. Antara unit amanah saham yang ada di pasaran ialah Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Bumiputra (ASB) dan Amanah Saham 1 Malaysia (AS1M). Pemegang unit amanah dibayar dividen setiap tahun.

Jika Encik Yusuf masih sihat, dia boleh membeli polisi insurans nyawa. Insurans tersebut boleh mengurangkan risiko apabila ditimpa sebarang kecelakaan. Wang pampasan boleh digunakan oleh waris untuk membiayai perbelanjaan pada masa depan. Di samping itu

juga, syarikat insurans memberi dividen setiap tahun. Encik Yusuf juga boleh menyimpan dalam bon kerajaan yang menawarkan faedah setiap tahun sehingga bon itu matang. Disyorkan Encik Yusuf menyimpan dalam bon kerajaan daripada bon korporat kerana risiko bon kerajaan lebih rendah.

SOALAN 5

- (a) Ya.
- Beroperasi di semua negara ASEAN secara serentak
 - Mempunyai lebih daripada 2,000 cawangan antarabangsa
 - Semua cawangan dikawal oleh firma induk di negara asal
 - Berlaku pemindahan teknologi antara cawangan di negara yang berbeza
- (b) F1 Meluaskan pasaran
- Penduduk di negara asal lebih kecil
- F2 Negara pengimport mengenakan perlindungan perdagangan
- Mengenakan kadar cukai yang tinggi
 - Dikenakan kadar cukai yang lebih rendah jika membuka operasi di negara pengimport
- F3 Kos pengangkutan yang tinggi
- Jarak yang jauh antara pasaran dengan tapak operasi
 - Kos pengeluaran meningkat
 - Menaikkan harga jualan untuk mengekalkan margin keuntungan
- F4 Kewujudan tenaga buruh yang mahir di negara ASEAN
- Pada kos yang rendah
 - Dapat menjimatkan kos buruh / memaksimumkan keuntungan
 - Daya saingan firma dari segi harga ditingkatkan
- F5 Peranan kerajaan menggalakkan globalisasi
- Mengamalkan sifat terbuka
 - Melonggarkan kawalan terhadap aktiviti ekonomi

- Melaksanakan liberalisasi perdagangan
 - Mengamalkan polisi yang mesra perniagaan / pelepasan cukai dan taraf perintis
- F6 Kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi yang maju
- Penggunaan alatan teknologi secara interaktif
 - Akibat perkembangan internet
 - Memudahkan proses komunikasi / pemindahan maklumat
 - Menggalakkan inovasi, produktiviti dan pertumbuhan ekonomi
- (c) F1 Draf Bank
- Cara kiriman wang di dalam atau keluar negara.
 - Menjelaskan pembayaran kepada pihak ketiga lebih terjamin. Ia dikeluarkan atas arahan pelanggan.
- F2 Perintah sedia ada/ arahan kepada bank
- Pemegang akaun semasa atau akaun tabungan mengarahkan bank membuat bayaran tetap atau berulang pada tarikh dan jumlah yang tetap kepada pihak ketiga.
 - Seperti menjelaskan sewa beli atau premium insurans
- F3 Pindahan kredit
- Bayaran terus ke dalam akaun penerima di mana-mana bank oleh pemegang akaun semasa atau tabungan .
 - Lazimnya, untuk pembayaran gaji pekerja
- F4 Kad kredit
- Pemegang kad ini boleh membuat pembayaran secara kredit tanpa membayar tunai. Bank akan membiayai terlebih dahulu dan pemegang kad akan membayar kepada bank.
 - Dikenakan bayaran tahunan dan kadar faedah atas baki kredit yang tidak dijalankan.

- F5 Debit langsung / debit terus
- Pemegang akaun semasa atau tabungan.
 - Mengarahkan bank membuat bayaran tidak tetap pada jumlah dan tarikh tidak tetap seperti bayaran bil-bil.

SOALAN 6

- (a) Import (import barang tak nampak)
- Terdiri daripada perkhidmatan yang disediakan oleh rakyat negara asing kepada rakyat tempatan
 - Terdiri daripada empat kategori yang utama iaitu pengangkutan, perjalanan, urusniaga kerajaan dan perkhidmatan lain
 - Termasuk dalam katogeri perkhidmatan perjalanan

Komponen lain (import barang tak nampak yang lain)

- Perkhidmatan pelancongan yang lain
- Perkhidmatan pengangkutan
- Perkhidmatan telekomunikasi, computer dan maklumat
- Perkhidmatan pembinaan
- Perkhidmatan insurans dan pencen
- Perkhidmatan peribadi, budaya dan rekreasi
- Perkhidmatan kewangan
- Perkhidmatan perkilangan
- Bayaran penggunaan harta intelek

(b) **Kesan Positif**
Isi rumah

- Menanam sifat berhemah dalam perbelanjaan
- lebih patriotik/ beli barangan buatan Malaysia/cinta akan Negara
- Memilih pusat pengajian dalam Negara/elak pengaliran keluar matawang asing

Firma

- menggunakan sumber dalam Negara/elak pengaliran keluar matawang asing
- menghargai sumber/ buruh tempatan
- bersifat kreatif dan inovatif
- Permintaan keatas keluaran tempatan meningkat
- Penawaran meningkat
- keuntungan meningkat

Kerajaan

- perbelanjaan berhemah/ bajet berhemah
- jumlah eksport bertambah
- jumlah import berkurang

Kesan Negatif

Isi rumah

- Perbelanjaan meningkat
- kos hidup meningkat
- taraf hidup jatuh


Firma

- perbelanjaan keatas kos pengeluaran (import) meningkat
- sumber/ buruh tempatan yang tidak sesuai dengan pengeluaran
- kurang

Kerajaan

- Jumlah nilai eksport jatuh
- jumlah cukai jatuh
- Pengaliran keluar wang meningkat
- keuntungan meningkat
- beban kewangan/ hutang Negara meningkat
- imej Negara jatuh
- imej pemerintah jatuh
- kestabilan politik terancam

(c) Penentuan kadar perukaran asing antara Ringgit Malaysia (RM) dan Dolar Amerika (USD) dapat diterangkan seperti rajah berikut:



- Pertukaran asing merujuk kepada mata wang negara lain yang dimiliki oleh sesebuah negara
- Kadar pertukaran asing ditentukan melalui interaksi antara permintaan dan penawaran mata wang asing dalam pasaran pertukaran asing
- keluk permintaan (DD) bersilang dengan keluk penawaran (SS) / Keseimbangan Kadar perukaran asing
- pada titik E ($USD1.00 = RM3.80 / Q_0$)
- Jika Kadar pertukaran meningkat menjadi $USD1.00 = RM5.00$, nilai RM mengalami kejatuhan
- Keadaan ini sebagai lebih penawaran USD sebanyak Q_1Q_2
- Kadar pertukaran cenderung turun sehingga mencapai keseimbangan semula pada titik E iaitu keluk DD bersilang dengan keluk SS pada kadar $USD1.00 = RM3.80$
- Jika Kadar pertukaran menurun menjadi $USD1.00 = RM3.00, Q$, nilai RM mengalami kenaikan
- Keadaan ini sebagai lebih permintaan USD sebanyak Q_1Q_2
- Kadar pertukaran cenderung naik sehingga mencapai kesimbangan semula pada titik E iaitu keluk DD bersilang dengan keluk SS pada kadar $USD1.00 = RM3.80$

SOALAN 7

(a) Kerajaan Malaysia menjalankan polisi mesra perniagaan dan mengamalkan sifat terbuka terhadap kemasukan syarikat multinasional (MNC). Keadaan ini melonggarkan kawalan terhadap aktiviti ekonomi dan mewujudkan persekitaran perniagaan dengan peluang untuk syarikat multinasional berkembang dan meraih keuntungan serta menjadi hub eksport yang menarik di rantau ini.


Malaysia menjadi ahli dalam Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN. Sejak tahun 2015, blok perdagangan ASEAN telah menjadi kawasan perdagangan bebas sepenuhnya. Malaysia menawarkan pelbagai insentif bagi projek-projek perkilangan di bawah Akta Penggalakkan Pelaburan 1986 dan Akta Cukai Pendapatan 1967. Kerajaan memberi insentif atau galakan fiskal seperti perlanjutan taraf perintis sehingga maksimum 15 tahun. Insentif fiskal yang lain seperti Elaun Cukai Pelaburan, dan Elaun Pelaburan Scmula. Kerajaan juga mewujudkan Zon Bebas seperti Zon Perdagangan Bebas atau Zon Perindustrian Bebas serta Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ).

Perkembangan internet di Malaysia mendorong perkembangan penggunaan ICT. Melalui ICT, kawalan perniagaan antara syarikat induk multinasional dan subsidiari di Malaysia dapat dilakukan dengan mudah iaitu melalui sidang video. Pembangunan pasaran kewangan elektronik membolehkan pengguna di Malaysia dan luar negara menjalankan transaksi elektronik (wang elektronik atau e-dompet) melalui internet dalam membeli barang (menggunakan kad kredit), membeli dan menjual saham serta

memindahkan dana antara akaun bank dan membayar bil antara negara.

Rantain pengangkutan dan logistik yang cepat dan murah membolehkan syarikat multinational memnina fasiliti pembuatan di Malaysia dan pada masa yang sama mengekalkan penghantaran barang siap atau separuh siap mengikut jadual yang ditetapkan. MNC yang beroperasi di Malaysia perlu mengintegrasikan rantaian bekalan global untuk menikmati jualan produk dan perkhidmatan kepada pengguna atau runcit.

(b) Tarif ialah cukai import yang dikenakan oleh negara pengimport terhadap negara pengeksport. Pengenaan tarif sebanyak 25% bermakna negara pengimport akan menaikkan harga sebanyak RM25 bagi nilai import sebanyak RM100. Keadaan ini akan mengurangkan daya saing negara pengeksporti kerana harga secara relatif lebih mahal.



Berdasarkan rajah di atas, keseimbangan pasaran asal berlaku apabila keluk permintaan (DD) bersilang dengan keluk penawaran (S₀ S₀) pada titik E₀. Harga keseimbangan ialah P₀ dan kuantiti keseimbangan ialah Q₀. Pengenaan tarif ke atas keluli Malaysia menyebabkan penawaran berkurang

yang ditunjukkan oleh peralihan keluk $S_0 S_0$ ke $S_1 S_1$ dan jumlah hasil ialah $OP_0 E_0 Q_0$.

Pada tingkat harga P_0 , pasaran mengalami lebih permintaan sebanyak AE_0 . Harga cenderung naik menyebabkan kuantiti diminta berkurang sehingga mencapai titik keseimbangan baharu iaitu E_1 , apabila keluk DD bersilang dengan keluk $S_1 S_1$. Harga keseimbangan naik kepada P_1 dan kuantiti keseimbangan baharu berkurang kepada Q_1 . Jumlah hasil berkurang kepada $OP_1 E_1 Q_1$ kerana permintaan dan penawaran keluli adalah anjal harga. Hal ini demikian kerana keluli merupakan barang separuh siap.

Kesannya ialah keuntungan pengeluar berkurang. Pengeluar menjadi kurang berinsentif untuk membuat pelaburan dan terpaksa mencari pasaran alternatif di luar negara yang melibatkan masa dan perbelanjaan yang lebih tinggi. Taraf hidup pengeluar merosot. Tingkat output berkurang menyebabkan pengangguran bertambah. Hasil kerajaan daripada cukai pendapatan dan cukai barang dan perkhidmatan berkurang.

- (c) Tarif dikenakan oleh sesebuah negara adalah untuk melindungi industri muda tempatan yang masih berada pada peringkat awal. Tarif tersebut membolehkan firma berkembang dan mengurangkan persaingan daripada barang import. Permintaan barang tempatan bertambah kerana harga barang tempatan secara relatif lebih murah berbanding dengan harga barang import.

Perkembangan firma tempatan akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan. Hal ini kerana berlaku kerana peningkatan

rantaian penawaran bahan mentah dalam ekonomi. Firma lain turut berkembang dan nilai ditambah dalam ekonomi meningkat. Keadaan ini menyebabkan pendapatan negara bertambah dan taraf hidup rakyat meningkat.

Tarif juga dapat mengurangkan lambakan barang dari luar negara dan secara tidak langsung mengurangkan persaingan. Lambakan ialah keadaan yang mana negara pncgeksport sengaja menjual suatu barang dengan harga yang lebih murah di pasaran luar negara. Tujuannya adalah untuk menguasai pasaran tempatan. Tarif bertindak sebagai antilambakan. Kesannya, harga barang import secara relatif lebih mahal daripada harga barang tempatan. Keadaan ini meningkatkan daya saing barang tempatan berbanding dengan barang import.

Tarif yang dikenakan ke atas barang yang diimport akan mendatangkan hasil kepada kerajaan. Hasil kerajaan tersebut boleh digunakan untuk membiayai perbelanjaan kerajaan. Negara yang mengalami imbalan pembayaran defisit yang menyebabkan aliran wang keluar melebihi aliran wang masuk akan mengenakan tarit. Tarif yang dikenakan akan mengurangkan import. Hal ini membolehkan defisit dalam imbalan pembayaran dapat diperbaiki.